

**NO. SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**  
**TARIKH : 10.08.2017 (KHAMIS)**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pengguna sering tertipu dengan maklumat yang diperoleh tentang suatu barangan yang dijual kerana maklumat yang didedahkan adalah tidak sama serta mengelirukan. Adakah terdapat peraturan yang jelas bagi situasi ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian ini memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang melibatkan perihal dagangan dan pernyataan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan juga perkhidmatan. Tindakan akan diambil berasaskan Akta Perihal Dagangan 2011 yang memperuntukkan larangan seperti:

- a) perihal dagangan palsu;
- b) petunjuk palsu atau mengelirukan tentang harga barang-barang;
- c) representasi palsu tentang pembekalan atau kelulusan barang-barang atau perkhidmatan; dan
- d) pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan.

Jika mana-mana peniaga gagal membuktikan kesahihan pernyataan dan maklumat pada barangan atau iklan yang dikeluarkan olehnya, peniaga tersebut boleh diambil tindakan tegas di bawah Akta yang sama yang mana boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun. Manakala bagi pertubuhan perbadanan pula, boleh didenda sehingga tidak melebihi RM500,000.

Di samping itu juga, Jawatankuasa Pengiklanan yang ditubuhkan oleh Kementerian ini telah menerbitkan sebuah buku garis panduan 'Mengelakkan Iklan Palsu Atau Mengelirukan'. Buku ini bertujuan sebagai rujukan kepada peniaga supaya memastikan iklan yang hendak dikeluarkan itu adalah selari dengan kehendak undang-undang yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi Kerajaan di Malaysia.